

Sektor Pinjaman Bank Malaysia Dijangka Berkembang 10.7 Peratus
Bernama
5 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Sektor pinjaman bank Malaysia diunjur berkembang 10.7 peratus tahun ini berbanding 10.6 peratus pada 2013, demikian menurut firma penyelidik.

HwangDBS Vickers Research berkata permohonan untuk pinjaman perniagaan semakin mendapat perhatian sejak tiga bulan lepas berdasarkan trend purata pergerakan enam bulan.

Firma penyelidik itu juga menetapkan sasaran purata itu berdasarkan permintaan pengguna yang lemah, selain sasaran ke atas pulangan ekuiti (ROE) yang rendah berikutan pertumbuhan pinjaman yang tidak berubah selain margin faedah bersih yang terhad (NIM).

"Setiap penurunan satu mata peratus pertumbuhan pinjaman akan menyebabkan penurunan satu peratus pendapatan manakala setiap penurunan 10 mata asas dalam NIM akan menjurus kepada penurunan empat hingga lima peratus dalam hasil," kata HwangDBS dalam nota kajiannya.

Bank secara umumnya mengunjurkan sasaran ROE yang rendah pada 2014 berbanding 2013, berikutan sentimen berhati-hati," katanya dan menambah pertumbuhan pinjaman yang tidak berubah, NIM yang terhad dan perlunya memulihara modal akan mengehendkan peningkatan ROE," katanya.

Pilihan utama HwangDBS ialah Public Bank, Hong Leong Bank dan SME Bank.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019377>